SOALAN NO: 23

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK ROBERT LAWSON CHUAT
[BETONG]

TARIKH : 27 OKTOBER 2021 (RABU)

SOALAN

DATUK ROBERT LAWSON CHUAT minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN menyatakan sejauh manakah dana Tabung Bencana Pertanian dibelanjakan pada tahun 2021 dan apakah kaedah pengagihan dan syarat-syarat kelayakan penerima bantuan.

SOALAN NO: 23

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) sentiasa peka dalam menyantuni kumpulan sasar seperti pesawah, pekebun-pekebun kecil, penternak dan lain-lain terutama yang mengalami kerugian akibat ditimpa bencana. Dua bentuk bantuan yang disediakan oleh MAFI kepada golongan sasar yang terkesan akibat bencana ialah Peruntukan Pembangunan Semula Projek Agromakanan (PPSPA) dan Tabung Bencana Tanaman Padi (TBTP).

Pada tahun 2021, MAFI telah menerima agihan sejumlah RM30 juta di bawah PPSPA yang disasarkan kepada golongan sasar berskala kecil dan sederhana seperti petani, penternak, nelayan, pengusaha akuakultur, pengusaha agropelancongan dan industri agromakanan. Perbelanjaan sehingga Oktober 2021 di bawah PPSPA adalah sejumlah RM6.1juta. Perbelanjaan ini adalah berdasarkan permohonan yang telah diterima dan penilaian di peringkat Jawatankuasa Teknikal PPSPA.

Secara umumnya bantuan PPSPA ini bertujuan untuk meringankan beban kerugian dan membantu golongan sasar MAFI untuk membangunkan semula aktiviti-aktiviti agromakanan. Dalam hal ini, kadar bantuan adalah berpandukan kepada 50% had siling daripada nilai kerugian golongan sasar tertakluk kepada penilaian di peringkat Jawatankuasa Teknikal PPSPA. Bantuan akan diberikan dalam bentuk *in-kind* seperti input pertanian, peralatan, mesin atau mana-mana yang bersesuaian.

Golongan sasar berskala kecil dan serderhana MAFI di bawah 11 sektor (tanaman buah-buahan, sayur-sayuran, fertigasi, tanaman komoditi tinggi, tanaman makanan ternakan, ternakan veterinar, akuakultur, nelayan, nelayan darat, Industri Asas Tani (IAT), agropelancongan) yang terkesan akibat bencana seperti yang disenaraikan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) adalah layak untuk menerima bantuan ini.

Bagi sektor padi dan beras pula, MAFI membantu meringankan beban pesawah yang terjejas atau mengalami kemerosotan pengeluaran padi di luar jangka menerusi TBTP. TBTP merupakan salah satu bentuk bantuan segera berbentuk *touch-point* kepada pesawah berupa bantuan kerugian hasil padi, bantuan penanaman semula padi, bantuan bencana kemarau, atau bantuan input tanaman padi yang diberikan berdasarkan tahap kerosakan serta umur tanaman padi. Kemerosotan pengeluaran padi boleh berpunca daripada pelbagai faktor seperti serangan penyakit, bencana alam dan lain-lain faktor yang tidak dapat dielakkan.

Sehingga kini, jumlah bantuan yang telah disalurkan kepada pesawah pada tahun 2021 adalah sebanyak RM11,178,295.70. Secara umumnya, kadar bantuan yang diberikan adalah antara RM876.00 sehektar hingga RM1,800 sehektar dan berbentuk *one-off*. Kategori bantuan TBTP adalah seperti berikut

i) Bantuan Kerugian Hasil Padi sebanyak RM1,800 per hektar bagi tanaman padi lebih daripada 70 hari;

ii) Bantuan Penanaman Semula Padi sebanyak RM 876 per hektar bagi tanaman padi kurang daripada 70 hari;

iii) Bantuan Bencana Kemarau sebanyak RM876 per hektar; dan

iv) Bantuan Input Tanaman Padi yang mana kadar bantuan tertakluk kepada penilaian oleh Jabatan Teknikal.

Kadar bantuan adalah tertakluk kepada kadar yang telah ditetapkan dengan keluasan maksimum sebanyak tiga (3) hektar sahaja.

Sekian, terima kasih.